

Headline	Ikan segar beku Q'Fish lebih murah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 12,568
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,704



# Ikan segar beku Q'Fish lebih murah

● LKIM mula jual di lokasi, pasar tani terpilih di seluruh negara

Oleh Ruwaida Md Zain

bhnews@bh.com.my

■ Shah Alam

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mula menjual stok ikan segar beku Q'Fish secara terus kepada pengguna di lokasi atau pasar tani terpilih di seluruh negara, semalam.

Ketua Pengarahnya, M Saedon Ab Majid, berkata penghantaran bekalan tidak berdepan masalah kerana Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEK-MAT) mempunyai lori kontena bersama kelengkapan diperlukan.

"Kami juga mendapat bantuan persatuan nelayan negeri atau kawasan. LKIM sentiasa memantau bagi memastikan bekalan mencukupi dan tidak membebankan pengguna."

"Stok sedia ada mampu menampung bekalan bagi kawasan tengah, selatan, utara dan timur Semenanjung," katanya selepas melakukan tinjauan harga dan promosi jualan ikan segar beku Q'Fish di Pasar Tani

Stadium Shah Alam, di sini semalam.

**RM8.50 sekilogram**

M Saedon berkata, ikan segar

beku Q'Fish dijual pada harga serendah RM8.50 sekilogram di MyFarm Outlet Putrajaya serta RM10 sekilogram di pasar tani dan Kedai Rakyat 1Malaysia terpilih di seluruh negara.

"Harga ikan sepanjang Ramadan menunjukkan peningkatan 20 hingga 25 peratus di peringkat jeti, borong dan rungit, namun harga ikan Q'Fish masih rendah berbanding pasaran."

"Orang ramai mempunyai pilihan untuk membeli pelbagai spesies ikan seperti kembung, tongkol, selar, cencaru dan selayang dengan kualiti dan rasanya setanding ikan di pasaran," katanya.

Q'Fish adalah ikan segar yang dibekukan bagi memastikan bekalan konsisten serta mencukupi melalui stok simpanan secara sejuk beku. Q'Fish adalah penjenamaan semula Program Ikan Rakyat yang diperkenalkan pada 2013.



## Ikan segar beku Q'Fish

→ Tampung bekalan bagi kawasan tengah, selatan, utara dan timur Semenanjung

Headline	Ikan segar beku Q'Fish lebih murah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 12,568
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,704



**(Gambar kanan) M Saedon (tengah) dan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak (kiri) melakukan jualan promosi ikan segar beku Q Fish di Pasar Tani Stadium Shah Alam, semalam.**